



**IKLAN JAWATAN KOSONG
MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR
BILANGAN 3 TAHUN 2022**

- (a) Permohonan adalah dipelawa daripada kakitangan **Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS)** / warganegara Malaysia yang berkelayakan dan **berumur tidak kurang dari 18 tahun sehingga 54 tahun** pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut di Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS). **Keutamaan akan diberi kepada anak kelahiran Negeri Selangor.**
- (b) Tarikh permohonan pada **23.08.2022 (Selasa) hingga 05.09.2022 (Isnin)**

Bil	Jawatan	Gred	Kekosongan	Taraf
1	Pembantu Kemahiran (Mekanik)	H19	1	Kontrak

PERHATIAN KEPADA PEMOHON:-

1. Umur : Calon-calon lantikan terus mestilah berumur tidak kurang dari **18 tahun sehingga 54 tahun** pada tarikh iklan ditutup
2. Syarat Kelayakan : Sila rujuk portal rasmi MPKS di alamat berikut:
www.mpks.gov.my
3. Cara Memohon : Semua permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang **on-line** dengan melayari portal rasmi seperti di atas **www.mpks.gov.my**
 - a) Semua permohonan hendaklah disertakan dan memuat naik (**upload**) atas talian :
 - i. **Resume;**
 - ii. **Salinan akademik (UPSR/PMR/PT3/SPM/SVM/SIJIL KEMAHIRAN);**
 - iii. **Salinan Kad Pengenalan (Pemohon, Ibu dan Bapa);**
 - iv. **Salinan Sijil Kelahiran Pemohon;**
 - v. **Salinan Sijil Kelahiran Ibu dan Bapa;**
 - vi. **Salinan Sijil Tamat Persekolahan;**
 - vii. **Salinan Lesen Memandu (wajib)**
 - viii. **Gambar Berukuran Pasport.**

[Pastikan perkara ii hingga vii adalah salinan yang telah disahkan daripada salinan asal]

- b) **Pegawai yang sedang berkhidmat** hendaklah mengemukakan borang permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan menyertakan bersama-sama Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi (LNPT) terkini; **DAN**
- c) Permohonan yang tidak diisi dengan lengkap akan **DITOLAK**.

- 4. Perhatian :
 - a) Hanya calon yang berkelayakan dan melepasi saringan yang dijalankan sahaja yang akan dipanggil temuduga;
 - b) Permohonan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA** sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh berikut;
 - i) Selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup; atau
 - ii) Selepas 6 bulan dari tarikh temuduga (sekiranya berjaya dipanggil temuduga).
- 5. Pertanyaan : Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pihak Urus setia melalui telefon atau melalui 03-32891439 (Bahagian Sumber Manusia)
- 6. Skop Tugas : Bertanggungjawab dalam tugas-tugas sokongan teknikal iaitu memasang, membaik pulih, menyenggara, mengawasi serta menguji kenderaan/jentera/peralatan awam supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.